



**NAMA:** Rosma Ali  
**JAWATAN:** Ketua Pegawai Eksekutif H&R City Travel & Tours Sdn Bhd  
**TARIKH LAHIR:** 10 Mei 1985  
**ASAL:** Kota Bahru, Kelantan  
**SUAMI:** Mohd Hafiz Hassan  
**ANAK:** Nur Syakira (5), Nur Syafia (4) dan Mohd Hariss (1)  
**PENDIDIKAN:** Sarjana Perniagaan Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia

# KERETA PERTAMA MODAL NIAGA

*Idea menjalankan perniagaan kereta sewa timbul selepas kereta sering dipinjam rakan*



KARISMA

Oleh ANIZA ZAINUDIN  
anizazainudin@mediaprima.com.my

Dulu dia pernah sebak mata melihat harta pertama dijadikan modal permulaan mendapat rezeki bagi menampung kehidupan sebagai isteri dan pelajar.

Kini pengorbanan itu menyentik kejayaan hingga melayakkannya bergelar Ketua Pegawai Eksekutif H&R City Travel & Tours Sdn Bhd.

Wanita berusia 28 tahun ini mengakui ranjau kehidupan ditempuhinya banyak mematangkan diri dalam membuka perniagaan, meskipun industri dicebur tampak biasa di mata masyarakat.

Bergelar isteri ketika berusia 22 tahun dalam majlis serba sederhana, wanita kelahiran Kota Bharu, Kelantan ini berkata, idea asal menjalankan perniagaan sewa kereta diluhukan teman sekelasnya sewaktu melanjutkan pengajian ijazah kedua dalam Pendidikan Sains Rumah tangga di Universiti Putra Malaysia (UPM), awal 2008.

"Saya menyambung pelajaran atas nasihat suami, Mohd Hafiz Hassan. Kesempitan hidup dilalui membuatkan kami 'terpisah', saya menetap di kolej manakala dia terpaksa menumpang rumah kakaknya di Shah Alam kerana ditugaskan mengajar di sana.

"Sebelum berkahwin, saya pernah bekerja dan sempat membeli sebuah kereta Perodua Viva. Jadi, kereta itu dijadikan pengangkutan rasmi untuk saya berulang-alik dari kolej ke fakultati.

"Apabila ramai kawan meminjam kereta dan membuat 'bayaran' melalui isian minyak, seorang teman baik mencadangkan supaya saya menyewa kereta mengikut kadar jam.

"Pertengahan April 2008, saya mula menyewakan kereta dengan kadar RM7 sejam, dan pasrah melihat kereta pertama dipandu orang lain," katanya yang menganggap kereta seperti anaknya.

Mengejutkan apabila tempoh seminggu pertama memulakan perniagaan sambilan ini, Rosma berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM260 dan RM400 sebulan.

Selain ingin mencari duit poket dan membantu su-

mi, kesempitan wang untuk membuat pembayaran ansuran bulanan pinjaman kereta menjadi pendorong buat ibu kepada tiga cahaya mata ini mengusahakan pendapatan sampingan.

Menurut Rosma, sebelum melanjutkan pelajaran di UPM, dia terpaksa bekerja untuk menampung kehidupan keluarga, tambahan pula gaji suami sebagai guru pelatih disekat selama tiga bulan mengikut prosedur ditetapkan kerajaan.

"Saya pernah mencuba pelbagai jenis kerja, termasuk bidang pertukaran mata wang asing (forex) dan mengedar risalah di cermin kereta orang bersama suami jika dia bercuti.

"Tidak dinafikan saya dihantui perasaan sedih dengan situasi hidup, sedangkan saya memiliki serba sedikit ilmu perniagaan ketika belajar di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (kini Universiti Malaysia Terengganu), malah pernah mewakili Malaysia membentangkan kertas kerja di Thailand.

"Sampai satu ketika, kami berdua terpaksa mencatu makanan dan wang perbelanjaan. Melihat keadaan itu, suami menyarankan saya melanjutkan pengajian ijazah kedua da-



lam bidang pendidikan yang dilihat mempunyai masa depan cerah," kata-nya yang meminati dunia perniagaan.


Sedangkan duit untuk makanan terpaksa dicatau, apatah lagi komitmen pembayaran pinjaman se-memangnya sukar dilangsungkan hingga tertangguh dua bulan.

Syukur, dengan hasil penyewaan kereta, Rosma dapat menunaikan tanggungjawabnya. Kesusahan dilalui mengajar Rosma

untuk membuat simpanan meskipun jumlahnya kecil iaitu RM50 sebulan.

Melihatkan peluang yang ada, suaminya optimis perniagaan kereta sewa memiliki potensi baik. Lantas, pasangan ini membuat keputusan membeli sebuah lagi kereta Perodua Viva sebagai pelaburan.

Walaupun Rosma melakukan perniagaan kereta sewa secara sambilan, namanya popular dalam kalaangan pelajar UPM dengan gelaran Kak Ros Car Rental





**BERMULA** daripada sebuah kereta milik sendiri.

(Kak Ros Kereta Sewa).

Awal 2010, perniagaan diusahakan Rosma mendapat perhatian kenalan rapat hingga ada yang sanggup menyerahkan tiga buah kereta kepada wanita ini untuk disewakan kepada pelajar.

Keuntungan dibahagi dua antara Rosma dan pemilik kereta dengan nisbah kadar keuntungan dibahagikan sebanyak 30:70.

"Tanggungjawab

BERSAMA suami dan anak.

## H&R CITY TRAVEL & TOURS SDN BHD

(Co. No. 1022510-A)

Tel: 017-6714614 / 017-9875894

Email: [hafiz2864@yahoo.com](mailto:hafiz2864@yahoo.com)  
Our Services : [hrcitytours@yahoo.com](mailto:hrcitytours@yahoo.com)

SUAMI yang sentiasa menyokong Rosma.



- \* CAR RENTAL
- \* CITY TOURS
- \* AIRPORT TR
- \* TRANSPORT
- \* CHAUFFEUR

menjaga kelima-lima kereta ini terletak di bahu saya. Dalam keadaan mengandung anak pertama, sayalah yang membasuh, membersih, servis, menjelaskan saman, masalah kemalangan dan pelbagai lagi.

"Jika sebelum ini saya hanya melihat dan tunggu mekanik membuat servis, lama-kelamaan saya belajar mengenai komponen kereta.

"Dek promosi dari mulut ke mulut, pertengahan 2010, saya diamanah menguruskan 20 buah kereta, yang mana 15 adalah kepunyaan teman.

"Setiap hari, saya mempelajari banyak perkara baru, terutama membabitkan insurans, saman, kes mahkamah seperti pelanggan membawa senjata tajam dan dadah. Saya juga belajar cara untuk bekerjasama dengan polis dan peguam," katanya.

Menyedari risiko boleh didakwa jika pelanggan menggunakan keretanya untuk tujuan jenayah, pada Ogos 2010, secara rasminya Rosma membuka syarikat pertama mengikut undang-undang iaitu Hafiz & Rosma Trading.

Tamat pengajian pada 2011, perniagaan Rosma kian berkembang dengan pertambahan bilangan kereta mencecah 60 buah merangkumi Perodua Alza, Proton Exora, Wira, Waja dan kereta import.

Setahun kemudian dengan bermodal RM300,000, Rosma menaik taraf status syarikatnya kepada Sendirian Berhad (Sdn Bhd) dan memiliki pejabat di Taman Sri Serdang, Selangor berdekatan UPM.

Kini menguruskan 300

buah kereta sewa, perniagaan diasaskan Rosma semakin berkembang dengan pembukaan 16 cawangan di beberapa universiti, termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara di Shah Alam, Puncak Alam, Selangor; Sri Iskandar, Perak dan Lendu, Melaka.

Selain menguruskan perniagaan kereta sewa, wanita muda ini menguruskan kedai alat gantian kereta dan agensi pelancongan yang mengendalikan urusan 'inbound and ticketing' diiktiraf Kementerian Pelancongan pada September lalu.

Memiliki cita-cita untuk membuka hotel sendiri dan menguruskan syarikat bas,

Rosma mengakui minat dalam perniagaan timbul apabila menyaksikan kesusaahan arwah bapa yang tidak berpendidikan tinggi menguruskan perniagaan hingga menyebabkannya jatuh muflis.

"Sewaktu di sekolah dan universiti, bidang perniagaan sentiasa menjadi pilihan utama. Ini kerana saya berazam membantu keluarga selepas melihat kejatuhan dialami arwah ayah.

"Ayah pernah menasihatkan saya supaya melengkapkan diri dengan ilmu kerana ia mampu memperkuatkkan perniagaan.

"Berbekalkan nasihat itu, sekarang saya mengikuti pengajian peringkat sarjana dalam bidang perniagaan," katanya mengakhiri perbualan.

## Arwah ibu bapa pendorong utama

**1. Aktiviti masa lapang?**  
Berehat sambil mendengar radio.

**2. Aktiviti bersama keluarga?**

Bercuti bersama keluarga dengan membawa anak ke taman tema.

**3. Makanan kegemaran?**  
Mi sup.

**4. Kereta kegemaran anda?**

MPV kerana ia tidak terlalu besar dan menampakkan imej korporat.

**5. Pendorong?**  
Arwah ibu bapa, Ali Abdullah dan Raziah Abdullah.

**6. Tokoh dikagumi?**  
Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

**7. Prinsip hidup?**  
Menjadi usahawan berjaya.